

20 FEB 2003

NAM-Polis (Keselamatan)/I

POLIS PASTIKAN TIADA GANGGUAN PADA SIDANG KEMUNCAK NAM

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Polis telah mengambil semua langkah sewajarnya bagi memastikan tidak berlaku sebarang gangguan dalam persediaan mereka menghadapi Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 yang bermula hari ini hingga 25 Feb ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Seri Aseh Che Mat hari ini berkata dalam persediaannya, polis turut mengambilkira nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Wisma Putra serta perkembangan semasa.

"Kita akan memastikan persidangan ini berjalan lancar, teratur dan tanpa gangguan. Kejayaan negara kita mengadakan persidangan yang sebegini besar dalam keadaan semasa dunia adalah sesuatu yang menjadi kebanggaan," katanya kepada pemberita di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Sidang kemuncak yang berlangsung di PWTC itu bermula hari ini dengan Mesyuarat Pegawai Kanan (SOM) selama dua hari.

Aseh sebelum itu diberikan taklimat oleh Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Datuk Mohd Sedek Mohd Ali di Pusat Kawalan Polis bagi sidang kemuncak itu.

Aseh berkata beliau berpuashati dengan persediaan yang dibuat oleh polis serta kerjasama daripada orang ramai dan semua pihak yang bertugas di PWTC.

Ditanya mengenai cabaran utama kawalan keselamatan pada sidang kemuncak itu, beliau berkata saiz persidangan itu sudah cukup mencabar.

"Kita pernah mengendalikan kawalan keselamatan pelbagai persidangan antarabangsa tetapi ini yang paling besar...sebab itu kita mahu memastikan semua aspek diambilkira," katanya.

Aseh kemudian melawat venue persidangan serta meninjau pelbagai kemudahan yang disediakan.

-- BERNAMA

JS MAM MOZ